



## Al-Qaeda Di Semenanjung Arab Dan Kesannya Kepada Ketidakstabilan Geopolitik Di Republik Yaman

### *(Al-Qaeda in The Arabian Peninsula and Its Impact on Geopolitical Instability in The Republic of Yemen)*

Muhammad Afifi Abdul Hamid,<sup>a\*</sup> Mohamad Zaidi Abdul Rahman<sup>a</sup> & Raja Hisyamudin Raja Sulong<sup>a</sup>

<sup>a</sup> Department of Siasah Syariyyah, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

\*Corresponding author, email; [Alfaqir\\_afifi@yahoo.com](mailto:Alfaqir_afifi@yahoo.com)

---

#### ABSTRACT

A branch of the Al-Qaeda armed terrorist organisation, Al-Qaeda in the Arabian Peninsula (AQAP) was founded by Osama bin Laden to fight the Soviet Union during the Afghan War. This group persisted in opposing Islamic authorities who were viewed as corrupt because of their alliance with Western nations like the United States after the Soviet Union left Afghanistan in 1989. From 2009 to the present, the Republic of Yemen has seen chaos and violence brought on by AQAP, which is led by Nasir al-Wuhayshi. One of the factors causing Yemen's geopolitical instability is AQAP's resistance. This article examines AQAP's role and how it affects Yemen's geopolitical instability. Data collection and data analysis are the two main methods that were used. In this study, documentation approaches were used to obtain any relevant data. The thematic analysis was utilised to analyse the data. As a conclusion, the study's findings support the role of AQAP as one of the factors causing geopolitical instability in Yemen. This finding is notable when compared to research done by other academics and based on the information provided.

**Keywords:** AQAP, Al-Qaeda, Republic of Yemen, & Geopolitics.

---

## Pengenalan

Al-Qaeda merupakan sebuah kumpulan atau organisasi militan 'Islamik' yang diasaskan oleh Osama bin Laden pada lewat tahun 1980an. Permulaan kumpulan ini adalah sebagai sebuah jaringan logistik yang mendokong umat Islam bagi menentang Kesatuan Soviet (USSR) ketika Perang Afghan suatu ketika dahulu. Selepas pengunduran Kesatuan Soviet dari Afghanistan pada tahun 1989, ahli kumpulan militan Al-Qaeda ini mula berpecah dan kembali ke negara masing-masing.

Al-Qaeda di Semenanjung Arab atau *Al-Qaeda in the Arabian Peninsula* (AQAP) dibentuk pada tahun 2009 merupakan rangkaian kumpulan pengganas Al-Qaeda yang berpusat di Republik Yaman. Awal kemunculan kumpulan ini apabila mereka mendakwa bertanggungjawab terhadap pengeboman kapal perang Amerika Syarikat USS Cole pada tahun 2009 dan beberapa siri pengeboman yang menasarkan orang awam serta pelancong di Yaman. Kumpulan ini semakin mendapat perhatian masyarakat antarabangsa apabila mendakwa terlibat dengan cubaan melakukan pengeboman terhadap Pesawat Penumpang Northwest 253 ketika perayaan Hari Natal tahun 2009.

Apabila merebaknya gelombang Kebangkitan Arab atau '*Arab Spring*' tahun 2011, AQAP juga mengambil kesempatan untuk menyebarkan pengaruhnya di Yaman berikutan ketidakstabilan politik yang berlaku di negara ini. Kumpulan ini mula menonjolkan diri dalam arena politik Yaman di bawah pertubuhan separa-politik Ansar Al-Syariah dan gerakan bersenjata bagi mengawal beberapa bandar di selatan Yaman sebagaimana di Zinjibar, wilayah Abyan.

Perang Saudara yang meletus tahun 2015 merancakkan lagi keterujaan kumpulan ini untuk meluaskan pengaruhnya di selatan dan utara Yaman. Di selatan Yaman bahkan terdapat dakwaan bahawa AQAP berjaya mendirikan kem latihan ketenteraannya iaitu di sekitar sempadan antara wilayah Abyan dan Shabwah. Selain itu, kumpulan ini turut melaksanakan siri pengeboman berani mati, serangan dron dan lain-lain serangan yang menyumbang kepada ketidakstabilan geopolitik di Yaman.

Rentetan daripada permasalahan di atas, kajian ini membincangkan sorotan ringkas penubuhan kumpulan militan Al-Qaeda, kemunculan AQAP dan kesannya terhadap ketidakstabilan geopolitik di Republik Yaman, ideologi dan matlamat AQAP, kempen memerangi pengganas oleh Amerika Syarikat, hubungan kumpulan AQAP dan regim Ali Abdullah Salleh serta pemberontakan AQAP dalam Perang Saudara 2015.

## Skop dan Metodologi

Skop perbincangan bagi kajian ini adalah untuk meneliti sejarah penubuhan kumpulan militan Al-Qaeda, sejarah kemunculan kumpulan militan Al-Qaeda di Semenanjung Arab atau *Al-Qaeda in the Arabian Peninsula* serta kesannya kepada ketidakstabilan geopolitik di Republik Yaman.

Bagi menjawab skop dan objektif-objektif yang dinyatakan di atas, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berdasarkan dua metodologi utama. Dua metodologi utama yang digunakan bagi kajian ini ialah metode pengumpulan data dan metode analisis data. Bagi metode pengumpulan data, pengkaji menggunakan pendekatan dokumentasi. Pendekatan dokumentasi ini digunakan bagi mendapatkan data-data kajian yang berbentuk dokumen rasmi, buku, kertas kajian ilmiah dan lain-lain.

Selepas melakukan metode pengumpulan data, pengkaji menggunakan kaedah analisis data berdasarkan pendekatan analisis tematik. Pendekatan analisis ini digunakan bagi menganalisis data-data yang diperoleh pengkaji berdasarkan kaedah pengumpulan data. Data-data ini turut dibandingkan pengkaji dengan data-data rasmi daripada sumber-sumber lain serta kajian-kajian oleh beberapa pengkaji lain.

## Hasil Kajian

### Penubuhan Kumpulan Militan Al-Qaeda

Al-Qaeda merupakan sebuah kumpulan atau organisasi militan 'Islamik' yang diasaskan oleh Osama bin Laden pada lewat tahun 1980an. Permulaan kumpulan ini adalah sebagai sebuah jaringan logistik yang mendokong umat Islam bagi menentang Kesatuan Soviet ketika Perang Afghan. Tidak terhad di Afghanistan semata-mata, ahli-ahli kumpulan ini direkrut dari pelbagai negara umat Islam di seluruh dunia.<sup>1</sup>

Setelah pengunduran Kesatuan Soviet dari Afghanistan pada tahun 1989, organisasi ini mula mengisytiharkan penentangan terhadap pemimpin-pemimpin negara Islam yang dianggap korup dan pembelot kerana menjalinkan hubungan serta kerjasama dengan pemimpin-pemimpin Barat khususnya Amerika Syarikat. Diawal penubuhan, kumpulan ini menjadikan Sudan sebagai pusat organisasi sebelum berpindah ke Afghanistan sekitar tahun 1996 dan dikenali sebagai kumpulan Militan Taliban.<sup>2</sup>

Selain memperkukuhkan organisasi, kumpulan ini turut mewujudkan kerjasama dengan beberapa kumpulan militan lain seperti kumpulan militan Jihad Islam di Mesir. Asas kerjasama kumpulan-kumpulan militan ini adalah kerana pemimpin-pemimpin mereka mengisytiharkan 'holy war' bagi menghadapi campurtangan Amerika Syarikat di negara-negara umat Islam. Dalam usahanya menentang Amerika syarikat, kumpulan-kumpulan ini menyediakan pusat-pusat latihan bagi militan Muslim, menyediakan latihan-latihan pertempuran selain turut merancang siri serangan pengganas termasuk serangan terhadap kedutaan-kedutaan Amerika Syarikat di Nairobi, Kenya, Tanzania dan lain-lain.<sup>3</sup>

Di Yaman sendiri, kumpulan ini pernah melakukan serangan terhadap kapal perang USS Cole pada tahun 2000. Serangan kumpulan ini yang memberi kesan signifikan kepada Amerika Syarikat adalah ketika pengeboman 11 September sehingga menyebabkan angka kematian dan kecederaan yang tinggi terhadap penduduk negara tersebut. Kesan serangan pengeboman ini menyebabkan Amerika Syarikat mengisytiharkan kempen memerangi pengganas atau "war on terror" beberapa minggu kemudiannya.<sup>4</sup>

Setelah beberapa tahun melancarkan kempen memerangi pengganas, Amerika Syarikat mengeluarkan kenyataan bahawa pemimpin Al-Qaeda iaitu Osama bin Laden terbunuh pada 11 Mei 2011. Kejayaan perisik Amerika Syarikat mengenalpasti lokasi keberadaan Osama telah

---


<sup>1</sup> Sarah Phillips, *Exploiting Grievances: Al-Qaeda in the Arabian Peninsula* (Washington: Carnegie Endowment for International Peace, 2010).

<sup>2</sup> "Al-Qaeda: Islamic Militant Organization", Britannica, diakses pada 8 Disember 2022, <https://www.britannica.com/topic/al-Qaeda>.

<sup>3</sup> *Ibid.*

<sup>4</sup> *Ibid.*

menyebabkan beliau terbunuh dalam serangan yang dilancarkan tentera Amerika Syarikat di Abbottabad, Pakistan iaitu sekitar 50 km dari bandar Islamabad. Ayman al-Zawahiri, orang kanan Osama kemudiannya diangkat sebagai pemimpin Al-Qaeda selepas kematian Osama pada tahun 2011 dan kumpulan ini turut mengeluarkan kenyataan rasmi terkait perlantikan tersebut.<sup>5</sup> Walaupun selepas kematian Osama, Al-Qaeda masih merupakan kumpulan pengganas yang bergiat aktif bahkan mencapai statistik tertinggi dalam melancarkan siri serangan dan pemberontakan berbanding kumpulan-kumpulan pengganas lain. Berikut merupakan statistik bagi serangan pengganas di seluruh dunia berdasarkan kumpulan yang dikeluarkan tahun 2020:



Sumber: Statista, "Most active terrorist organizations worldwide in 2020, by number of attacks"<sup>6</sup>

## Kemunculan AQAP dan Kesannya Kepada Ketidakstabilan Geopolitik Di Republik Yaman

### [1] Kemunculan AQAP Di Republik Yaman

Selepas kekalahan Kesatuan Soviet di Afghanistan pada tahun 1979, sebilangan besar ahli militan asing memilih Republik Yaman sebagai pusat operasi mereka yang baru. Tariq al-Fadhli yang pernah bersama-sama dengan Osama bin Laden di Afghanistan telah pulang ke Yaman dan menjadi pengasas kepada penubuhan al-Qaeda di negara asalnya.<sup>7</sup> Keadaan ini telah menyebabkan Yaman menjadi pusat tumpuan para pejuang militan bersenjata yang menggelarkan kumpulan mereka sebagai al-Qaeda di Semenanjung Arab atau *Al-Qaeda in the*

<sup>5</sup> *Ibid.*

<sup>6</sup> "Most active terrorist organizations worldwide in 2020, by number of attacks", Statista, diakses pada 8 Disember 2022, <https://www.statista.com/statistics/937553/terrorism-most-active-perpetrator-groups-worldwide/>.

<sup>7</sup> Nadwa al-Dawsari, "Yemeni Tribes and al-Qaeda in the Arabian Peninsula", *Project on Middle East Democracy*, 2018.

*Arabian Peninsula* (AQAP). Kumpulan militan bersenjata ini dibentuk secara resmi pada tahun 2009.<sup>8</sup>

Sebagaimana kumpulan penganas yang lain, AQAP juga merupakan sebuah gerakan berideologi radikal Islam yang menuntut pelaksanaan undang-undang Syariah di Yaman. Selain itu, kumpulan ini turut mengamalkan ideologi *takfiri* (mengeluarkan penganut Islam dari agamanya) terhadap pihak-pihak yang tidak sehaluan dengan mereka.<sup>9</sup> Faktor ketidakstabilan politik dalaman Yaman telah mengundang penglibatan kumpulan AQAP dan kemunculan tersebut memburukkan lagi konflik di negara ini. AQAP menjadikan wilayah timur Yaman sebagai pusat operasi dan selain menubuhkan pusat-pusat pengkaderan serta latihan bagi ahli-ahlinya di negara ini. AQAP menubuhkan pusat operasinya secara rasmi di ibu kota al-Mukalla, timur Yaman pada April 2015 bagi memudahkan merekrut ahli-ahli baru dari kalangan rakyat awam di Yaman.<sup>10</sup>

Sejak berlakunya kebangkitan Arab tahun 2011, AQAP memanfaatkan ketidakstabilan tersebut dengan cara melancarkan siri serangan yang menasarkankan pihak keselamatan negara selain mengisytiharkan perang terhadap Houthi pada bulan Mei tahun yang sama. Pengisytiharan perang terhadap Houthi dilakukan oleh Said Ali al-Shihri, timbalan ketua AQAP di Yaman melalui pesanan suara yang disiarkan di *internet* sebelum kumpulan ini memulakan serangan pada bulan Mei.

AQAP juga memanfaatkan ketidakstabilan geopolitik dalaman negara apabila berlakunya Perang Saudara pada tahun 2015 di Yaman. AQAP bahkan menjalinkan hubungan kerjasama dengan beberapa lagi kumpulan militan di Yaman bagi memerangi Houthi khususnya di sekitar wilayah Abyan, Aden, Al-Dali, Lahij dan sebagainya. Penumpuan AQAP dalam menentang Houthi pada ketika ini adalah sekitar kawasan pergunungan di wilayah Al-Bayda di utara dan selatan Yaman.

*“In fact, AQAP fighters actively cooperated with other anti-Houthi forces, agreeing to end confrontations with the government and joining popular resistance fronts that were formed in Abyan, Adel, Al Dali, Lahij, Shabwah an Taiz. Nowhere was AQAP’s participation in the conflict more pronounced than in the mountains of Al Bayda, where the group mounted a fierce resistance against the Houthis from as early as 2014...”*<sup>11</sup>

Pertembungan dan pertempuran antara anggota AQAP dan Houthi juga banyak direkodkan berlaku di sekitar kawasan Dhi Naim dan Az Zahir, Qaifa dan Rada’. Berikut (ditanda dengan warna oren) merupakan kawasan aktiviti AQAP di wilayah Bayda sekitar Januari 2015 sehingga November 2020:


---

<sup>8</sup> Gylan O’Driscoll, “Violent Extremist Organisations in Yemen”, *Department for International Development United Kingdom*, diakses pada 25 Februari 2020, [https://assets.publishing.service.gov.uk/media/5b6db3aded915d6d132f26dd/Violent\\_extremist\\_organisations\\_in\\_Yemen.pdf](https://assets.publishing.service.gov.uk/media/5b6db3aded915d6d132f26dd/Violent_extremist_organisations_in_Yemen.pdf).

<sup>9</sup> *Ibid.*

<sup>10</sup> Elisabeth Kendall, “The Failing Islamic State Within the Failed State of Yemen”, *Terrorism Research Initiative*, Vol. 13, bil. 1, pp. 77-86, 2019, <https://www.jstor.org/stable/26590510>.

<sup>11</sup> “The Wartime Transformation of AQAP in Yemen”, *Armed Conflict Location & Event Data Project*, diakses pada 8 Disember 2022, <https://www.jstor.org/stable/resrep28722>.




**Sumber:** Armed Conflict Location & Event Data Project, *“The Wartime Transformation of AQAP in Yemen”*.<sup>12</sup>

Berikut pula merupakan statistik serangan pengganas berdasarkan negara yang dikeluarkan tahun 2020 dan Yaman berada di tempat keempat. Serangan pengganas ini termasuklah yang dilakukan oleh AQAP di Yaman selain beberapa kumpulan lainnya:

---

<sup>12</sup> *Ibid.*



Sumber : Statista, “Number of terrorist attacks in 2020, by country”.<sup>13</sup>

Di bawah merupakan statistik serangan berskala besar yang pernah dilancarkan kumpulan pengganas AQAP dari bulan Mac tahun 2009 sehingga bulan Februari 2020 sebagaimana data yang dikeluarkan oleh International Security and Cooperation (CISAC):

Tarikh	Keterangan
15 Mac 2009	Mendakwa bertanggungjawab terhadap kematian 4 orang pelancong dari Korea Selatan dalam peristiwa pengeboman berani mati di bandar Shibam, selatan Yaman.
18 Mac 2009	Mendakwa bertanggungjawab dalam pengeboman berani mati yang menasarkkan deligasi dari Korea Selatan yang dalam perjalanan menuju ke Shibam bagi melaksanakan proses penyiasatan terhadap kematian 4 orang rakyat Korea Selatan.
12 Jun 2009	AQAP menculik 9 pelancong (7 warga Jerman, 1 warga Britain & 1 warga Korea Selatan) di luar bandar Saa’dah . Tiga yang diculik terbunuh, tiga kanak-kanak dibebaskan dan baki yang tidak dapat dipastikan keadaannya sehingga kini.
25 Disember 2009	Cubaan AQAP untuk meletupkan sebuah kapal terbang dengan merekrut Umar Farouk namun serangan ini tidak berjaya.
26 April 2010	Seorang pengebom berani mati AQAP meletupkan diri di hadapan konvoy Duta Britain ke Yaman, Timothy Torlot. Seorang terbunuh dan tiga tercedera.

<sup>13</sup> “Terrorist Attack by Country”, Statista, diakses pada 3 Disember 2022, <https://www.statista.com/statistics/236983/terrorist-attacks-by-country/>.

Oktober 2010	Militan AQAP melancarkan 2 roket <i>propelled grenades</i> ke arah kereta yang membawa Fiona Gibb, diplomat kedua tertinggi di Yaman. Tiga tercedera.
29 Oktober 2010	AQAP menyeludup bom dalam bungkusan ke dalam kargo dari Yaman ke Chicago. Bom tersebut berjaya ditemui dalam ruangan pengasingan kargo di Dubai dan London.
25 Februari 2012	AQAP mendakwa bertanggungjawab terhadap serangan pengeboman berani mati menggunakan kereta yang menuju ke kem anggota keselamatan Republik Yaman di Bayda. Dua puluh enam orang terbunuh.
21 Mei 2012	Berlakunya serangan pengeboman berani mati yang menasarkn majlis ketenteraan di Sana'a. Sembilan puluh enam orang terbunuh dan tiga ratus orang cedera.
5 Disember 2013	Serangan yang menasarkn hospital yang terdapat di Kompleks Kementerian Pertahanan. Tiada pihak yang mengaku bertanggungjawab terhadap serangan tersebut namun AQAP pernah mengeluarkan video mengucapkan simpati terhadap kejadian tersebut. Lima puluh enam terbunuh.
6 Januari 2014	AQAP menyerang pengkalan tentera di bandar Rada'a. Sepuluh terbunuh.
16-20 Oktober 2014	AQAP mendakwa bertanggungjawab terhadap siri serangan yang menasarkn pemberontak Houthi dan kebanyakannya adalah di sekitar bandar Rada'a. Pertempuran antara AQAP dan Houthi dianggarkan menyebabkan kematian sebanyak enam puluh orang.
7 Januari 2015	Said Kouachi dan Cherif Kouachi yang dikatakan mendapat latihan daripada AQAP melakukan serangan ibu pejabat majalah <i>Charlie Hebdo's</i> , Paris, Perancis. Dua belas orang terbunuh.
2 April 2015	AQAP menyerang pelbagai fasiliti kerajaan di Mukalla sehingga menyebabkan 300 tahanan penjara melarikan diri termasuk Khalid Al-Batarfi, bekas pemimpin AQAP di wilayah Abyan.
16 April 2015	AQAP merampas Lapangan Terbang Riyan berdekatan bandar Mukalla.
11 Mei 2016	AQAP mendakwa bertanggungjawab terhadap letupan kenderaan di wilayah Hadramaut. Serangan ini mencederakan Jeneral Abdul Rahman Al-Halili, komander batalion satu Yaman.
19 Ogos 2016	AQAP mendakwa bertanggungjawab terhadap serangan yang menyebabkan kematian tiga orang ahli Houthi di Sana'a.
29 Januari 2018	Ahli AQAP didakwa melakukan serangan pengeboman berani mati yang akan menasarkn sekatan keselamatan di wilayah Shabwa. Sebelas terbunuh dan tiga tercedera.
2 Februari 2020	AQAP mendakwa bertanggungjawab terhadap serangan yang menasarkn Stesen Udara Amerika Syarikat di Pensacola, Florida. Mohammed Saeed, penyerang yang bertanggungjawab melancarkan serangan merupakan seorang pegawai tentera udara Arab Saudi yang sedang menjalani latihan ketenteraan di Amerika Syarikat. Empat terbunuh.
11 Februari 2020	AQAP mendakwa bertanggungjawab terhadap serangan yang menasarkn Kolonel Jamal Al-Awlaki, pemimpin kanan dalam unit anti-keganasan Yaman di Al-Hamra. Tiga tercedera.



## [2] Ideologi dan Matlamat Kumpulan AQAP

Di peringkat global mahupun tempatan, kumpulan militan Al-Qaeda di Semenanjung Arab (AQAP) menjadikan Salafi-jihadi sebagai ideologi kumpulan ini sebagaimana kumpulan Al-Qaeda. Matlamat utama kumpulan AQAP adalah untuk membentuk kerajaan atau negara berasaskan sistem Khilafah Islamiyyah dengan cara menyatukan negara-negara Islam yang terdapat di Semenanjung Arab.<sup>14</sup>

AQAP juga menjadikan agenda pembebasan Palestin daripada penjajahan Zionis Israel sebagai salah satu matlamat perjuangan kumpulan ini. Disebabkan matlamat sedemikian, AQAP sering mengkritik pemimpin-pemimpin negara Arab yang turut melakukan pengepungan terhadap Palestin, mengkritik pemimpin negara-negara Arab yang kelihatan mesra serta memiliki hubungan dengan Israel dan sekutu-sekutu negara tersebut. Agenda ini menjadi pemangkin bagi anggota-anggota AQAP untuk menubuhkan cawangan kumpulan di seluruh dunia Islam. Buat masa ini, kumpulan pengganas ini memiliki cawangan yang aktif di Afghanistan, Yaman, Iraq, Syria dan Pakistan. Menurut Pusat Ideologi Al-Qaeda:

*“Al Qaeda will mobilize four armies that will march from the periphery of the Muslim world to the heart of Palestine: one army from Pakistan and Afghanistan, one from Iraq, one from Yemen, and the last from the Levant...”<sup>15</sup>*

Usaha AQAP menubuhkan cawangan operasi kumpulannya di kebanyakan negara adalah bertujuan untuk memudahkan ideologi dan matlamat kumpulan ini tercapai. Misi pembebasan Palestin yang cuba diperjuangkan kumpulan pengganas ini hanyalah bertujuan untuk menarik sokongan dan simpati umat Islam khususnya dan masyarakat dunia umumnya terhadap perjuangan mereka. Sedangkan gerak kerja dan tindak tanduk kumpulan ini adalah sangat menyimpang dari ajaran Islam.

## [3] Wujud Kempen Memerangi Pengganas Oleh Amerika Syarikat

Kemunculan AQAP di Yaman mendapat perhatian Amerika Syarikat yang menjadi sekutu negara ini dalam mengadakan kempen memerangi pengganas peringkat global. Amerika Syarikat turut memperbaharui kerjasama antara kedua-dua negara bagi menentang pengganas pada tahun 2009, sebelum daripada berlakunya kebangkitan Arab di Yaman. Kerjasama yang dilakukan ini adalah dengan cara menjalankan latihan ketenteraan khas secara bersama selain menubuhkan Unit Anti Pengganas (UAP) di Yaman.<sup>16</sup>

Unit yang ditubuhkan ini bertujuan untuk menghadapi serangan AQAP di Yaman dan ianya dikawal selia oleh anak Ali Abdullah Saleh sendiri iaitu Ahmed Ali merangkap Ketua Pengawal Republik di bawah Unit Khas (UK). Ahmed dibantu oleh dua orang anak saudara bapanya iaitu Amar Mohammed sebagai timbalan Biro Keselamatan Kebangsaan (NSB) serta Yahya Mohammed sebagai ketua Pegawai Keselamatan Khas Pusat (PKKP).

---

<sup>14</sup> “Al Qaeda in the Arabian Peninsula (AQAP) is a Sunni Terrorist Organisation and Al Qaeda Affiliate Based in Yemen”, Center for International Security and Cooperation (CISAC), diakses pada 3 Disember 2022, [https://cisac.fsi.stanford.edu/mappingmilitants/profiles/al-qaeda-arabian-peninsula#highlight\\_text\\_14840](https://cisac.fsi.stanford.edu/mappingmilitants/profiles/al-qaeda-arabian-peninsula#highlight_text_14840).

<sup>15</sup> Shae'e Abdel Ilah Haidar. "Al Qaeda in the Arabian Peninsula," *Yemen Times*, 30 Mac 2010, [http://www.yementimes.com/defaultdet.aspx?SUB\\_ID=33738](http://www.yementimes.com/defaultdet.aspx?SUB_ID=33738).

<sup>16</sup> Aaron Ng, “Al Qaeda in the Arabian Peninsula (AQAP) and the Yemen Uprisings”, *International Centre for Political Violence and Terrorism Research*, Vol. 3, bil. 6, pp. 1-4, 2011, <https://www.jstor.org/stable/10.2307/26350984>.

Ketiga-tiga mereka berperanan dalam menyelia secara langsung perjalanan serta kelancaran UAP yang ditubuhkan oleh kerajaan Yaman dengan bantuan Amerika Syarikat bagi menghadapi pengganas di Yaman. Amerika Syarikat membantu unit ini dengan cara menyediakan latihan ketenteraan, bantuan persenjataan dan kelengkapan-kelengkapan yang berkaitan sebagai persiapan menghadapi sebarang aktiviti keganasan di Yaman terutamanya yang disebabkan AQAP.<sup>17</sup>

Melalui Majlis Keselamatan Kebangsaan (*National Security Council*) negaranya, Amerika Syarikat membantu menyediakan Pelan Keselamatan Strategik Yaman (PKSY) yang mengandungi tiga elemen utama iaitu kempen memerangi AQAP dalam jangka masa pendek, meningkatkan bantuan pembangunan negara serta menjadi pemantau kepada sokongan antarabangsa bagi menyokong kestabilan Yaman.

Danial Benjamin, koordinator Amerika Syarikat dalam kempen anti pengganas menyatakan bahawa sekitar 40.3 juta *U.S Dollar* diberikan negara tersebut kepada Yaman pada tahun 2009 bagi menjayakan pelan strategik yang telah dirancang dan jumlah ini meningkat sebanyak 23.1 juta berbanding tahun 2008 iaitu sebanyak 17.2 juta. Ini menunjukkan keutamaan yang diberikan Amerika Syarikat terhadap Yaman dalam menjayakan kempen memerangi pengganas di peringkat antarabangsa.<sup>18</sup>

Selepas pengunduran Saleh pada tahun 2012, Yaman di bawah pimpinan Hadi mengambil pendekatan baru dalam memerangi pengganas di negara ini bermula pada bulan Februari tahun yang sama. Pegawai keselamatan Yaman diberikan nafas baru di bawah kepimpinan Hadi dengan pendekatan yang lebih komprehensif dan menyeluruh dalam setiap perancangan menghadapi pengganas di Yaman khususnya yang disebabkan oleh AQAP.

Hadi turut memecat pemimpin UK dan UAP yang berpihak kepada Saleh sebelum melantik pegawai-pegawai baru dalam kedua-dua unit ini. Unit ini bertindak berdasarkan rancangan komprehensif yang dirangka dengan mengutamakan dua aspek utama iaitu aspek ketenteraan dan keselamatan (*Military and Security Dimension-MSD*) selain aspek ekonomi dan sosial (*Political Economic and Social Dimension-PESD*). Daripada gabungan kedua-dua aspek ini, kerajaan Yaman dengan sokongan Amerika Syarikat menggubal strategi baru anti keganasan di negara ini yang dikenali sebagai Strategi Komprehensif Anti Pengganas Kebangsaan - SKAK atau *Comprehensive National Counterterrorism Strategy*.<sup>19</sup>

Pada Mei 2012, tiga bulan selepas dipilih menjadi presiden, Hadi melancarkan kempen ketenteraan berskala besar yang dinamakan sebagai "*Operation Golden Swords*" bagi menentang AQAP di Yaman. Operasi ini diketuai oleh Mejar Jeneral Salem Ali Qatan, Komander Tentera Yaman Wilayah Selatan dan ianya bermatlamat untuk membebaskan kawasan Zinjibar, Jaar dan beberapa lagi kawasan di daerah Abyan daripada pengaruh AQAP. Namun begitu, operasi yang dilancarkan ini sedikit terganggu apabila pada 18 Jun 2012, pengebom berani mati AQAP melakukan serangan sehingga menyebabkan kematian Salem di Aden. Selain itu, unit UK dan UAP

---

<sup>17</sup> Dokumen yang dikeluarkan oleh Kedutaan Republik Yaman di Amerika Syarikat, "Yemen Efforts in the Fight Against Terrorism", Julai 2017.

<sup>18</sup> Vincent Durac, "Yemen's Arab Spring: Democratic Opening or Regime Maintenance", *School of Politics and International Relation*, pp. 1-21, 2015, <https://www.researchgate.net/publication/241715488>.


<sup>19</sup> *Ibid*.

yang berpangkalan di Sana'a tidak turut serta dalam operasi ketenteraan yang dilancarkan kerana saki baki ketua unit ini masih berpihak kepada Saleh.<sup>20</sup>

Pada April 2014, kerajaan Yaman sekali lagi melancarkan kempen ketenteraan berskala besar dan kempen yang disokong pakatan Arab Saudi ini berjaya membebaskan bandar al-Mukalla daripada penganas AQAP. Kempen ini juga berjaya mengusir pejuang AQAP daripada Aden, Shabwah dan Abyan selepas kegagalan kumpulan penganas tersebut mempertahankan pendudukan mereka di daerah-daerah yang dinyatakan. Serangan yang lebih komprehensif dan tersusun oleh UK dan UAP memaksa kumpulan penganas tersebut berundur dari daerah-daerah yang mereka takluki sebelum ini.<sup>21</sup> Memetik kenyataan yang dikeluarkan Kedutaan Yaman di Amerika Syarikat:

*“The government and the Arab coalition forces, within a week, were able to recapture al-Mukalla and defeat what was left of AQAP in the city. From then on, the government has been sweeping the remaining pockets of al-Qaeda in many governorates (including Aden, Shabwah and Abyan) and dismantling any other possible safe havens in Yemen.”<sup>22</sup>*

Berikut merupakan graf serangan ketenteraan yang dilancarkan Amerika Syarikat terhadap AQAP di Yaman melalui kempen Memerangi Penganas atau “War on terror” dari bulan Januari 2015 sehingga bulan November 2020:



**Sumber:** Armed Conflict Location & Event Data Project, *“The Wartime Transformation of AQAP in Yemen”*.<sup>23</sup>

<sup>20</sup> *Ibid.*, 7.

<sup>21</sup> Laporan Kedutaan Yaman bertajuk *“Yemen’s Crisis and Threatened Transition”*.

<sup>22</sup> Dokumen yang dikeluarkan oleh Kedutaan Republik Yaman di Amerika Syarikat, *“Yemen Efforts in the Fight Against Terrorism”*, Julai 2017, 8.

<sup>23</sup> *“The Wartime Transformation of AQAP in Yemen”*, Armed Conflict Location & Event Data Project, diakses pada 8 Disember 2022, <https://www.jstor.org/stable/resrep28722>.

Pembebasan bandar al-Mukalla dan lain-lain daripada AQAP juga hasil daripada peranan yang dimainkan oleh kerajaan United Arab Emirates (UAE) pada musim sejuk dan musim panas tahun 2016. UAE telah menjalankan proses pengrekrutan pejuang-pejuang tempatan secara besar-besaran di selatan Yaman bagi tujuan mempersiapkan sebuah kumpulan bersenjata dan kumpulan ini berjaya membantu pasukan keselamatan negara mengusir AQAP daripada bandar tersebut pada tahun 2016.

#### [4] Wujud Hubungan Kumpulan AQAP dan Regim Ali Abdullah Saleh

Sebahagian sarjana berpendapat bahawa penentangan AQAP terhadap kerajaan Yaman pimpinan Saleh hanyalah sandiwara semata-mata kerana kewujudan kumpulan ini di Yaman didakwa bertujuan untuk menyokong legitimasi kerajaan bekas presiden tersebut. Elisabeth Kendall antara sarjana yang membawa idea ini dalam mengungkapkan perihal kemunculan AQAP di Yaman. Menurut Kendall, kemunculan pengganas al-Qaeda yang kemudiannya dikenali sebagai AQAP di Yaman adalah berdasarkan jemputan daripada Saleh sendiri dan bekas presiden ini menyokong penuh kehadiran kumpulan tersebut di negaranya. Saleh menggunakan AQAP sebagai benteng utama bagi memerangi Houthi dan secara tidak langsung ianya juga bertujuan untuk mengekalkan legitimasi pemerintahannya.<sup>24</sup> Kenyataan Kendall ini turut disokong oleh Nadwa al-Dawsari dalam kajiannya.

*“Saleh saw them (al-Qaeda fighters) as useful. He turned to them to help crush his southern adversaries in the brief 1994 civil war... Instead, he gave the jihadist free reign in certain areas and even appointed certain figures such as al-Fadhli to government positions. In the following decades, Saleh’s game of looking the other way or even supporting the jihadist, while convincing the West he was essential to fighting them...”<sup>25</sup>*

Dakwaan Kendall dan Nadwa ini turut disahkan oleh kerajaan Yaman sendiri dibawah pimpinan Presiden Abdul Rabbu Mansur Hadi melalui dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh Kedutaan Yaman di Amerika Syarikat. Pendedahan tersebut menjadi bukti yang paling kukuh terkait keterlibatan Saleh dengan kemunculan AQAP di Yaman. Daripada pendedahan itu, ianya menjadi kesimpulan bahawa kerjasama Saleh dengan Amerika Syarikat untuk menentang AQAP hanyalah lakonan semata-mata kerana bekas presiden itu sendiri memiliki hubungan dengan kumpulan pengganas tersebut. Dakwaan hubungan antara Saleh dan AQAP dikukuhkan lagi dengan wawancara yang dilakukan al-Jazeera terhadap seorang bekas pejuang kumpulan itu. Dalam sebuah wawancara yang dilakukan al-Jazeera pada tahun 2015, bekas pejuang AQAP tersebut mengesahkan bahawa regim Saleh mempunyai rangkaian secara langsung dengan kumpulan pengganas itu.<sup>26</sup>

Tambahan lagi, bekas pejuang AQAP tersebut turut mendedahkan bahawa pegawai keselamatan berpangkat tinggi yang mempunyai hubungan rapat dengan Saleh sendiri telah membekalkan bahan letupan kepada AQAP tiga bulan sebelum berlakunya peristiwa pengeboman di Kedutaan Amerika Syarikat di Sana’a pada bulan September 2008. Pendedahan ini selari dengan dokumen yang dikeluarkan oleh Kedutaan Yaman di Amerika Syarikat yang

---

<sup>24</sup> Elisabeth Kendall, “The Failing Islamic State Within the Failed State of Yemen”, *Terrorism Research Initiative*, Vol. 13, bil. 1, pp. 77-86, 2019, <https://www.jstor.org/stable/26590510>, diakses pada 24 Februari 2020.

<sup>25</sup> Nadwa al-Dawsari, “Yemeni Tribes and al-Qaeda in the Arabian Peninsula”, *Project on Middle East Democracy*, 2018.

<sup>26</sup> Dokumen yang dikeluarkan oleh Kedutaan Republik Yaman di Amerika Syarikat, “Yemen Efforts in the Fight Against Terrorism”, Julai 2017, 4.

mengesahkan bahawa terdapat perjanjian kerjasama antara Saleh dan kumpulan AQAP sejak daripada tahun pertama kemunculan kumpulan tersebut. Kedutaan Yaman turut membuat kesimpulan bahawa tindakan yang dilakukan oleh Saleh ini semata-mata bertujuan untuk mengekalkan kepimpinan bekas presiden tersebut dengan cara mewujudkan pergolakan politik dalaman negara.<sup>27</sup>

#### **[5] Berlaku Pemberontakan AQAP Dalam Perang Saudara 2015 Sebagai Aspirasi Perjuangan Tempatan**

Selepas berundur daripada beberapa daerah di Yaman, AQAP dilihat telah mengubah strategi dan pendekatan yang digunakan mereka dengan cara menyerap serta berintegrasi dengan persekitaran tempatan di sana. Kumpulan ini mula menonjolkan diri sebagai pejuang tempatan selain mendakwa bahawa mereka berusaha untuk menyuntik perubahan dalam kalangan rakyat Yaman.<sup>28</sup>

Keadaan ini berlaku selepas kematian beberapa pemimpin AQAP akibat daripada operasi ketenteraan anti penganas yang dilancarkan oleh kerajaan Yaman dengan bantuan Amerika Syarikat, UAE dan lain-lain pada tahun 2016. Kepimpinan kumpulan ini kemudiannya diambil alih oleh pejuang tempatan berwarganegara Yaman dan menjadikan mereka lebih berasimilasi dengan persekitaran di sana. Matlamat kumpulan ini juga diubah daripada memperjuangkan jihad diperingkat global kepada memperjuangkan perubahan dalam kalangan rakyat tempatan Yaman.

Buktinya, kumpulan ini tidak lagi mengibarkan bendera hitam al-Qaeda malahan tidak lagi memperkenalkan diri mereka sebagai ahli AQAP ataupun *Ansar al-Syariah*. Perjuangan AQAP kini lebih kepada mempertahankan wilayah mereka daripada pemberontakan kumpulan Houthi dengan berpaksikan perjuangan kabilah dan sebagai penggerak buat rakyat tempatan dalam menuntut perubahan melalui desakan terhadap kerajaan di bawah pemerintahan Hadi.<sup>29</sup>

Kempen ketenteraan yang dilancarkan oleh kerajaan Yaman dengan bantuan Amerika Syarikat, UAE dan lain-lain bagi menghapuskan penganas AQAP di Yaman turut menyebabkan kematian dan kecederaan sejumlah besar orang awam di negara ini. Selain dibunuh, terdapat juga rakyat Yaman yang disiksa dengan kejam oleh UAE dalam usaha menghalang kemaraan AQAP. Menurut Kendall, terdapat 20 buah pusat tahanan yang digunakan UAE bagi menahan serta menyiksa para penentangannya dari kalangan AQAP di Yaman. Situasi ini dimanfaatkan AQAP bagi meraih sokongan dan dokongan penduduk tempatan terhadap perjuangan baru mereka di Yaman.<sup>30</sup> Keganasan yang dilakukan oleh tentera sokongan Amerika Syarikat, UAE dan lain-lain telah menyebabkan kemarahan penduduk tempatan seterusnya meningkatkan sokongan terhadap perjuangan AQAP yang kini menggelar kumpulan mereka sebagai pejuang tempatan.<sup>31</sup>

---

<sup>27</sup> *Ibid.*

<sup>28</sup> Sarah Phillips, "What Comes Next in Yemen? Al-Qaeda, the Tribes and State-Building", *Carnegie Endowment for International Peace*, Mac 2010, <http://carnegieendowment.org/2010/03/11/whatcomes-next-in-yemen-al-qaeda-tribes-and-state-building-pub-40329>.

<sup>29</sup> Nadwa al-Dawsari, "Yemeni Tribes and al-Qaeda in the Arabian Peninsula", *Project on Middle East Democracy*, 2018.

<sup>30</sup> L. Kendall, "Impact of the Yemen War on Militant Jihad", *POMEPS Studies*, Vol. 29, 2018, <https://pomeps.org/2018/01/12/impact-of-the-yemen-war-on-militant-jihad/>, 27-30.

<sup>31</sup> Lihat M. Farrukh, "Al Qaeda Base in Yemen: Critical Threats", <http://www.criticalthreats.org/analysis/al-qaedas-base-in-yemen>.

## Perbincangan

Penubuhan Al-Qaeda di Semenanjung Arab atau AQAP di Republik Yaman yang merupakan pecahan daripada kumpulan pengganas Al-Qaeda merumitkan lagi konflik geopolitik dan ketidakstabilan di negara ini. Kewujudan AQAP di Yaman adalah berikutan daripada ketidakstabilan geopolitik negara ini sejak penubuhannya pada tahun 1990 antara Yaman Utara dan Yaman Selatan.

Keterlibatan Al-Qaeda melalui pecahannya AQAP di Yaman menarik minat Amerika Syarikat untuk melakukan campurtangan ketenteraan di negara ini. Kempen memerangi pengganas “War on terror” yang dilancarkan Amerika Syarikat pasca pengeboman 11 September 2001 menjadi asas bagi campurtangan di Yaman kerana kewujudan AQAP.

Di sisi pengkaji, kempen memerangi pengganas yang dilancarkan Amerika Syarikat hanyalah bersifat lakonan semata-mata sedangkan matlamat negara ini bertujuan untuk mengukuhkan pengaruhnya di negara-negara Timur Tengah khususnya di Yaman. Andaian ini dikukuhkan dengan penglibatan langsung Arab Saudi dan beberapa negara Teluk dalam vakum geopolitik Yaman.

Umum mengetahui bahawa Arab Saudi merupakan sekutu kuat bagi Amerika Syarikat di Timur Tengah. Penglibatan Arab Saudi melalui kempen memerangi pengganas khususnya AQAP hanyalah untuk mengukuhkan pengaruh Amerika Syarikat di negara Yaman. Pengukuhan ini penting bagi menjamin kelangsungan hegemoni atau ‘mendunia’ Amerika Syarikat di peringkat global yang ketika ini mendapat persaingan sengit dari blok Rusia dan China. Mengekalkan pengaruh Amerika Syarikat di Yaman melalui Arab Saudi akan menutup ruang-ruang penglibatan Rusia dan China di negara tersebut.

Menurut Gilpin, hegemoni membawa erti sebuah negara mampu mempengaruhi negara yang lain dalam sistem politik. Keohane pula mendefinisikan hegemoni sebagai situasi dimana sebuah negara menjadi sangat berkuasa sehingga mampu untuk memaksa negara lain mengikut kehendak dan keinginan yang ditetapkan dalam aspek hubungan antarabangsa. Dalam konteks ini, Yaman dilihat menjadi negara yang cuba untuk dilebarkan pengaruh politik oleh Amerika Syarikat melalui Arab Saudi dan AQAP serta pengaruh Rusia melalui Iran dan Houthi.<sup>32</sup>

Sisi ahli politik Rusia, Timur Tengah umumnya merupakan lokasi geostrategik penting bagi negara Rusia dan kerana ini Putin mengambil pendirian untuk terlibat aktif bagi menyaingi pengaruh Amerika Syarikat. Dokongan yang ditunjukkan Rusia terhadap Iran adalah melalui sokongan terhadap program nuklear, kerjasama ketenteraan dan sebagainya. Kemaraan Houthi akan menyebabkan pengaruh Iran dan Rusia semakin kukuh di Yaman dan kerana itu Amerika Syarikat melalui Arab Saudi bersama-sama AQAP mengambil pendirian untuk menentang kumpulan tersebut.

*“Russian politicians view the Middle East as an important geostrategic location reliable to play an active and influential role in international events. The Russian role has clearly emerged in the Middle East by supporting Iran’s nuclear program and it seeks to creat an approach by making Iran a strategic*

---

<sup>32</sup> Gilpin, R., A Realist perspective on international governance. In H. David & A. McGrew (Eds.), *Governing Globalization* (Cambridge: Polity Press, 2004).

*ally of Russia in the Middle East because of the geostrategic and geopolitical important of Iran...”<sup>33</sup>*

*“This may support Russian positions in the Arab region. Furthermore, the Russian moves are also extending its diplomacy to China, India, and the major Asian countries, with the aim of strengthening the Russian role, thus increasing the effectiveness of performance in international events...”<sup>34</sup>*

Walaupun masih bersifat perdebatan dan tidak memiliki bukti nyata, pengkaji senada dengan pandangan beberapa sarjana lain dalam menyatakan AQAP hanyalah ‘buah catur’ atau ‘boneka’ yang diwujudkan Amerika Syarikat, Arab Saudi dan sekutu bagi mengekalkan pengaruh negara-negara ini di Yaman khususnya dan Timur Tengah umumnya. Radoslaw Fiedler, Andrew P. Miller, Dafna H. Rand, Mohammed T. Bani Salameh, Ahed A. Mashagbeh dan R. M. Sachithra antara sarjana yang turut membawakan idea hegemoni Amerika Syarikat di Timur Tengah sebagaimana pengkaji. Radoslaw Fiedler bahkan menyenaraikan tiga strategi penglibatan Amerika Syarikat di Timur Tengah iaitu melalui pembinaan pengkalan tentera terutama di Teluk Parsi, melalui pelaburan sektor bahan api dan strategi menambah bilangan sekutu dari negara Teluk seperti Arab Saudi, Mesir, Israel dan lain-lain.<sup>35</sup>

Sebagaimana dinyatakan sebelum ini, kewujudan AQAP di Yaman bermula tahun 2014 adalah lebih tertumpu kepada memerangi Houthi sebagaimana siri pertembungan kedua-dua kumpulan ini yang berlaku di kawasan Dhi Naim dan Az Zahir, Qaifa dan Rada’. Houthi sebagaimana dakwaan Arab Saudi merupakan sekutu bagi Republik Iran dan bahkan kempen ketenteraan yang dilancarkan Raja Salman pada bulan Mac 2015 dikatakan bertujuan untuk mengekang pengaruh Iran melalui Houthi di Yaman.

*“In March 2015, King Salman of Saudi Arabia ordered airstrikes on the Houthis and their allies in Yemen. The operation called ‘Decisive Storm’ was supported by a coalition of Sunni Muslim countries including the Gulf Cooperation Council (GCC) states (except Oman), Morocco, Sudan, Egypt, Jordan and Pakistan.”<sup>36</sup>*

Selain Arab Saudi dan negara-negara Teluk, AQAP lebih memilih untuk melakukan serangan terhadap Houthi berbanding menyerang kerajaan Yaman dibawah pimpinan Abdul Rabbu Mansur Hadi ataupun menyerang sekutu regim tersebut iaitu Arab Saudi. Ini mengukuhkan lagi dakwaan pengkaji bahawa AQAP merupakan senjata yang digunakan Amerika Syarikat dan Arab Saudi bagi menjamin pengaruhnya di Yaman.

Kemaraan Houthi akan menyebabkan perluasan pengaruh Iran di Yaman dan mampu mengukuhkan pengaruh politik Rusia dan China selaku sekutu republik Islam tersebut. Asas ini yang digunakan pengkaji untuk mengaitkan kempen memerangi penganas Amerika Syarikat di Yaman dengan doktrin hegemoni kuasa besar tersebut di peringkat global. Penglibatan Iran

---

<sup>33</sup> Mohammed T. Bani Salameh dan Ahed A. Mashagbeh, *The American Russian Rivalry in the Middle East, International Journal of Humanities and Social Science*, vol 8 (1), pp. 28-35, 2018.

<sup>34</sup> *Ibid.*

<sup>35</sup> Radoslaw Fiedler, *The United States’ Policy Toward the Middle East in the Post-Cold War Era: Hegemony or Leadership, Serbest Yazilar: Toplum ve Demokrasi*, vol. 4, pp. 169-184, 2010, <https://www.researchgate.net/publication/342992313>.

<sup>36</sup> Lihat rujukan Sherine Al Taraboulsi dan Camilla Cimatti, “Counter-terrorism, De-Risking and the Humanitarian Response in Yemen: a call for action”, *Humanitarian Policy Group (HPG)* (2018).

melalui Houthi di Yaman mampu menggugat pengaruh Amerika Syarikat di peringkat global dan AQAP menjadi senjata utama mengekang perkara tersebut.

### Kesimpulan

Kemunculan Al-Qaeda di Semenanjung Arab atau Al-Qaeda in the Arabian Peninsula (AQAP) pada tahun 2009 memberi impak yang besar terhadap Republik Yaman. Kewujudan kumpulan ini menambahkan lagi ketidakstabilan geopolitik di Republik Yaman. Keterlibatan AQAP dalam vakum politik Republik Yaman telah mendorong campurtangan Amerika Syarikat melalui Arab Saudi dan negara-negara Teluk.

Campurtangan yang dilakukan Amerika Syarikat, Arab Saudi dan negara-negara Teluk adalah melalui kempen ketenteraan anti penganas “War on terror” yang dilancarkan George Walker Bush, presiden Amerika Syarikat pasca pengeboman 11 September 2001. Republik Yaman menjadi salah satu negara yang terlibat dalam kempen tersebut kerana munculnya kumpulan militan penganas AQAP, serpihan kumpulan Al-Qaeda di republik tersebut.

Kajian ini mengesahkan bahawa kemunculan AQAP di Republik Yaman menjadi salah satu faktor yang menyebabkan ketidakstabilan geopolitik di negara ini. Penglibatan AQAP memberi impak yang besar terhadap kestabilan geopolitik Yaman sejak tahun 2009 sehingga kini.

### Rujukan

Aaron Ng, “Al Qaeda in the Arabian Peninsula (AQAP) and the Yemen Uprisings”, *International Centre for Political Violence and Terrorism Research*, Vol. 3, bil. 6, pp. 1-4 (2011), <https://www.jstor.org/stable/10.2307/26350984>.

Al-Zawahiri, A. “From Kabul to Mogadishu,” Kenyataan yang dikeluarkan pada 22 Februari 2009. <<http://www.nefafoundation.org/miscellaneous/FeaturedDoc/nefa>>

Bergen, P., “Beyond Iraq: The Future of AQI,” in *Bombers, Bank Accounts and Bleedout: Al-Qa’ida’s Road in and out of Iraq*, suntingan B. Fishman, West Point, New York: U.S. Military Academy (2008), <http://www.ctc.usma.edu/harmony/pdf/SinBlications/Yemen.pdf>.>

Brown W. R. “The Yemeni Dilemma”, *Middle East Journal* 17, no. 4 (1963).

Caton, S. C. “Peaks of Yemen I Summon”, *Poetry as Cultural Practice in a North Yemeni Tribe* (Berkeley and Los Angeles: University of California Press, 1990).

Caton, S. C. *Yemen Chronicle: An Anthropology of War and Mediation* (New York: Hill and Wang, 2005).

Combating Terrorism Center (CTC) at West Point., *Al-Qa’ida’s (Mis)Adventures in the Horn of Africa*, West Point, NY: U.S. Military Academy (2006), <http://www.ctc.usma.edu/aq/pdf/Al-Qa27ida2720MisAdventures20inth>.

Daniela Huber, *Democracy Assistance in the Middle East and North Africa: A Comparison of US and EU Policies. Mediterranean Politic*: 43-62 (2018).

Dresch, P. *Tribes, Government and History in Yemen* (Oxford: Clarendon Press, 1989).



- Elisabeth Kendall, "The Failing Islamic State Within the Failed State of Yemen", *Terrorism Research Initiative*, Vol. 13, bil. 1, pp. 77-86 (2019), <<https://www.jstor.org/stable/26590510>> (24 Februari 2020).
- Exum, A. M. and Fontaine, "On the Knife's Edge: Yemen's Instability and the Threat to American Interests," Policy Brief, Center for a New American Security (2009), [http://www.cnas.org/files/documents/publications/yemen\\_Policy\\_Brief](http://www.cnas.org/files/documents/publications/yemen_Policy_Brief).
- Gylan O'Driscoll, "Violent Extremist Organisations in Yemen", *Department for International Development United Kingdom* (2018), [https://assets.publishing.service.gov.uk/media/5b6db3aded\\_915d6d132f26dd/Violent\\_extremist\\_organisations\\_in\\_Yemen.pdf](https://assets.publishing.service.gov.uk/media/5b6db3aded_915d6d132f26dd/Violent_extremist_organisations_in_Yemen.pdf).
- Halper dan Clarke. *The neoconservative Revolution: Jewish Intellectuals and the Shaping of Public Policy* (New York: Cambridge University Press, 2019).
- Jeffrey Record, Why the Bush Administration Invaded Iraq: Making Strategy after 9/11. *Strategic Studies Quarterly* 2(2): 63-92 (2008)
- Jeremy M. Sharp, Carla E. Hemud dan Sarah R. Collins, U.S Foreign Assistance to the Middle East: Historical Background, Recent Trends and the FY2021 Request (2015).
- Jeremy M. Sharp, CRS Report RL33003, Egypt: Background and U.S Relations (2018).
- Johnsen Gregory. "Waning Vigilance: Al-Qaeda's Resurgence in Yemen," Washington Institute for Near East Policy, Policy Watch no. 1551, 14 Julai 2009, <http://www.washingtoninstitute.org/templateC05.php?CID=3088>.
- Johnsen, G., "Al Qaeda's Generational Split" Boston Globe, November 9 (2007), [http://www.boston.com/bostonglobe/editorial\\_opinion/oped/articles/2007/11/09/a](http://www.boston.com/bostonglobe/editorial_opinion/oped/articles/2007/11/09/a).
- K Fattah, "Yemen: A Social Intifada in a Republic of Sheikhs", *Middle East Policy*, Vol. 18, bil. 3, pp. 79-85 (2009).
- Lasswell, H. *Politics: Who Gets What, When, How* (Cleveland: Meridian Books, 1936).
- Madayash, A. and S. Abu-Husain, "Al Qaeda Call for Islamic State in Southern Yemen," *Asharq Alawsat* (2009).
- Mohammed T. Bani Salameh dan Ahed A. Mashagbeh, The American Russian Rivalry in the Middle East, *International Journal of Humanities and Social Science*, vol 8 (1), pp. 28-35 (2018).
- Nadwa al-Dawsari, "Yemeni Tribes and al-Qaeda in the Arabian Peninsula", *Project on Middle East Democracy* (2018).
- News Yemen, "Al-Qaeda: we'll help southerners if they rule with Islamic laws," 19 Mei 2019, [http://www.newsyemen.net/en/print.asp?sub\\_no=3\\_2009\\_05\\_19\\_7760.>](http://www.newsyemen.net/en/print.asp?sub_no=3_2009_05_19_7760.>)
- O'Neill B. "AQAP a Rising Threat in Yemen," *CTC Sentinel*, 2(4): 17-19 (2009), <http://www.ctc.usma.edu/sentinel/CTCSentinel-Vol2Iss4.pdf>.
- Phillips A., "How al Qaeda Lost Iraq," *Australian Journal of International Affairs*, 63(1): 64-84 (2009).

- Phillips S. dan Shanahan, R. "Al-Qa'ida, Tribes and Instability in Yemen," Lowy Institute for International Policy, November 2009, <http://www.lowyinstitute.org/Publication.asp?pid=1192>.
- Phillips, S. "Politics in a Vacuum: The Yemeni Opposition's Dilemma," Middle East Institute Viewpoints, no. 11, June 2009, <http://www.mei.edu/Portals/0/Pu>.
- Phillips, S., *Yemen's Democracy Experiment in Regional Perspective: Patronage and Pluralized Authoritarianism* (New York: Palgrave Macmillan., 2008).
- Radoslaw Fiedler, *The United States' Policy Toward the Middle East in the Post-Cold War Era: Hegemony or Leadership, Serbest Yazilar: Toplum ve Demokrasi*
- Reuters, "Qaeda makes rare public appearance at Yemen rally," 21 Desember 2009, <http://www.reuters.com/article/idUSTRE5BK3YF20091221>.
- Stookey, R. W. *Yemen: The Politics of the Yemen Arab Republic* (CO: Westview Press, Inc., 1978).
- The Indian News. "Al Qaeda leader urges Yemeni tribes to fight government," February 20, 2009, [http://www.thaindian.com/newsportal/world-news/al-qaeda-leader-urgesyemeni-tribes-to-fight-government\\_100157355.html](http://www.thaindian.com/newsportal/world-news/al-qaeda-leader-urgesyemeni-tribes-to-fight-government_100157355.html).
- Vincent Durac, "Yemen's Arab Spring: Democratic Opening or Regime Maintenance", *School of Politics and International Relation*, pp. 1-21 (2015) ,<https://www.researchgate.net/publication/241715488>.